



## FORUM PERDANA EHWAL ISLAM

Tujuan Forum Perdana Ehwal Islam (FPEI) ini dilaksanakan untuk meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan ahli statistik dan masyarakat tentang kepentingan statistik dan perkhidmatan profesional dalam pembudayaan keputusan berdasarkan bukti. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merupakan salah sebuah agensi utama Kerajaan yang di amanah dan dipertanggungjawab untuk memungut, mentafsir serta menyebar perangkaan yang bertepatan masa dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial Negara.

Sambutan HSN ke-6 pada tahun 2022 yang disambut pada 20 hingga 22 Oktober 2022 di ILSM, Sungkai, Perak amat bermakna kerana diraikan bersekali dengan penubuhan Sedekad Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM).

Hari Statistik Negara (HSN) telah diisytiharkan dan disambut secara tahunan pada setiap tahun bermula 20 Oktober 2017. *"Connecting the World with Data We Can Trust"* yang telah dipilih sebagai tema sambutan bagi tempoh lima (5) tahun iaitu 2020-2025 memberi erti sebenar kepentingan data dan impaknya dalam kehidupan sejagat. HSN merupakan pengiktirafan kepada sumbangan ahli statistik, penyedia dan pengguna statistik di Malaysia.



Kemuncak bagi sambutan ini ialah penganjuran FPEI yang bertemakan '**Nadi Negaraku**' dengan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Al-Maghfur-Lah telah mencemar duli ke program ini. Turut hadir bersama ialah YBhg. Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam; YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia; dan YB Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak serta Ketua Jabatan dan agensi di Perak.



Forum ini juga turut dihadiri oleh komuniti dan masyarakat setempat, pelajar dan mahasiswa universiti yang berhampiran dengan kehadiran seramai 1,500 orang.

Bertemakan Nadi Negaraku, statistik memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seseorang insan bermula dari saat kelahiran sehingga ke saat kematian/ liang lahad.

Data adalah fakta asas yang dipungut daripada sumber yang kukuh. Data disusun, dianalisis, diinterpretasi dan dirumuskan untuk dijadikan maklumat. Maklumat akan dijadikan sebagai ilmu pengetahuan yang digandingkan dengan pertimbangan atau pandangan.

Dalam pengurusan dan perancangan sesebuah kehidupan, maklumat adalah penting dalam menentukan hala tuju/ pencapaian/masa depan Negara.



FPEI ini menampilkan barisan panel yang mantap iaitu Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Ketua Jaringan Industri dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail, Pensyarah Kanan, Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM); dan Imam Muda Asyraf Mohd Ridzuan, Pendakwah Bebas manakala Ustaz Rizal Ramli bertindak sebagai moderator.



Kehidupan perlu mempunyai perancangan yang didokong oleh data yang berkualiti. Data yang dihasilkan perlulah diterjemahkan dengan baik untuk merencanakan perancangan masa hadapan di semua peringkat samada individu, keluarga, masyarakat dan Negara.

Al-Quran merupakan sumber rujukan utama manusia sejagat yang penuh maklumat dan data yang menjadi panduan dan amalan kehidupan.



Al-Quran menyebut tentang sains, teknologi dan fakta yang diterima tanpa sebarang keraguan. Disamping itu, hadith daripada Nabi Muhammad S.A.W juga dijadikan sumber rujukan dalam melengkapkan proses kehidupan.



Dalam pembangunan sesebuah Negara, statistik memainkan peranan yang penting bagi memastikan perancangan sesuatu dasar, polisi, program dan aktiviti dapat dibuat dengan tepat dan berkesan.

Di dalam Usul Fiqh, dipanggil istikharah dimana keputusan dibuat selepas mengambil kira daripada fakta, hukum dan juga dalil. Dari segi pandangan statistik, fakta ini akan mendorong kepada pembuatan keputusan yang bersesuaian berdasarkan bukti.

Pembudayaan statistik dapat membina kehidupan yang lebih berkualiti. Statistik yang dihasilkan akan digunakan untuk pembangunan yang lebih menyeluruh dan sistematis.



Data penting sebagai sumber rujukan dan ketepatan dalam perancangan dasar, polisi, program

Oleh ARZIANA MOHMAD AZAMAN

**M**emahami peranan penting statistik yang menjadi penentu masa depan negara, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) terus berkhidmat menyalurkan data berkualiti dan komprehensif demi membangunkan ekonomi mampu.

Seiring pendekatan itu, DOSM komited memperkasakan sambutan Hari Statistik Negara (HSN) yang disambut Okttober lalu sebagai pengiktirafan terhadap kepentingan data dan impak kepada kehidupan sejagat.

Ketua Jaringan Industri dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Datuk Dr. Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim menerangkan, statistik memainkan fungsi utama dalam pembangunan sesebuah negara.

Ini kerana tegasnya, data tersebut mempunyai nilai tinggi bagi memastikan perancangan sesuatu dasar, polisi, program dan aktiviti dapat dilaksanakan dengan tepat serta berkesan.

"Al-Quran merupakan sumber rujukan utama manusia sejagat yang penuh maklumat dan data yang menjadi panduan dan amalan kehidupan kerana kitab suci tersebut menyebut tentang sains, teknologi dan fakta yang diterima tanpa sebarang keraguan."

"Di samping itu, hadis daripada Nabi Muhammad SAW juga dijadikan sumber rujukan dalam melengkapkan proses kehidupan," katanya yang juga menjadi panel jemputan sempena Forum Perdana Ehwal Islam bertemakan Nadi Negaraku.

Majlis dianjurkan sempena sambutan Hari Statistik Negara (HSN) yang ke-6 itu yang telah diadakan pada 20 Oktober 2022 turut dimeriahkan dengan Penubuhan Sedekah Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) Sungkai, Perak yang dihadiri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Turut hadir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd



Sultan Nazrin (tengah) hadir pada sambutan Hari Statistik Negara yang ke-6 di ILSM, Sungkai.



Barisan panel Forum Perdana Ehwal Islam bertemakan Nadi Negaraku anjuran Jabatan Perangkaan Malaysia pada Okttober lalu.

Shafiq Abdullah; Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Datuk Ahmad Suaidi Abdul Rahim.

Menjawab soalan Rizal Ramli selaku moderator, Dr. Mohd Izhar bersetuju bahawa statistik adalah satu elemen penting dalam membentuk sebuah masyarakat yang berpegang kepada kebenaran.

"Islam amat menekankan aspek kebenaran dalam pembinaan sesebuah negara dan Nabi Muhammad SAW adalah contoh terbaik sebagai seorang khalifah atau pemimpin umat dalam menyampaikan kebenaran melalui wahu ALLAH SWT."

"Dalam konteks ini, maklumat yang disampaikan perluah ringkas, jelas dan mudah difahami selain diselitkan dengan fakta serta angka bagi memudahkan kefahaman masyarakat dalam menginterpretasikan perkara yang dibincangkan."

"Justeru, teks khutbah yang disediakan perlulah menarik dan berfakta. Khutbah yang ringkas dan menarik memudahkan jemaah memahami intipati yang disampaikan," terangnya.

#### Jangan kelirukan fakta

Sementara itu, memberi pandangan terhadap mereka yang memanipulasi statistik dengan tujuan mengelirukan

minda masyarakat, panel kedua yang juga merupakan pendakwah bebas, Imam Muda Muhammad Asyraf Mohd Ridzuan menerangkan, kebolehpercayaan tidak sama seperti data dan hujah yang memerlukan keputusan yang tepat.

"Seperti yang dikatakan oleh Ustaz Izhar, nombor di dalam al-Quran adalah suatu kelebihan. Ini kerana ada benda kritikal yang memerlukan data yang betul dan spesifik (tidak boleh dibundarkan)".

"Oleh itu, masyarakat perlu dipandu dan didehdahkan dengan fakta. Al-Quran adalah bersifat hujah. Oleh kerana itu, data, statistik, maklumat yang dikumpulkan dan dianalisis dapat mendidik umat yang cerdik," katanya.

Muhammad Asyraf turut memberi peringatan bahawa dunia tanpa sempadan juga mendorong kepada mereka yang bukan pakar statistik berkongsi maklumat tidak tepat kepada orang ramai.

"Nasihat saya, setiap maklumat yang diperoleh wajar melalui sumber yang betul, sudah melalui proses tapisan, penelitian dan kajian".

"Contoh yang boleh diambil sebagai pengajaran ialah peristiwa peperangan pada zaman nabi apabila penyampaian maklumat yang tepat menjadi punca kemenangan seperti Perang Khandaq. Dengan adanya perisikan maklumat yang betul, pertempuran dapat dielakkan," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Profesor Madya Dr Sharifah Hayati Syed Ismail menjelaskan, terdapat formula mudah untuk menghasilkan data yang jitu.

"Nilai penting bagi mewujudkan data sahih melalui pekerja yang amanah dan cemerlang. Kajian menunjukkan bahawa 20 peratus merujuk kepada pengetahuan manakala 80 peratus merujuk kepada nilai kerajinan, disiplin dan amanah yang dapat menentukan penghasilan kerja yang baik."

"Kitab Ibnu Khaldun ada mengatakan bahawa seseorang itu mestilah memiliki dua perkara untuk berjaya iaitu amanah dan berpengetahuan untuk melaksanakan amanah".

"Perkataan amanah amat penting dalam Islam dan ia juga dapat dilihat melalui enam nilai teras DOSM iaitu integriti, aktaabiliti, kompeten, profesional, kerja berpasukan dan kepuasan pelanggan," katanya yang juga panel ketiga dalam forum berkenaan.

Jelasnya, Islam menunjukkan bahawa kesahitan hadis atau sesuatu perkara juga dibuktikan dengan statistik dan data yang dijalankan melalui ujian nintis terlebih dahulu.

"Pengujian awal dikendalikan terlebih dahulu dan ini secara tidak langsung menunjukkan etika dalam membuat kajian yang menggunakan statistik sebelum ia dianalisis.

"Perkara yang berkaitan dengan memanipulasi data seperti kurang tepat, data tidak diambil menyeluruh, data sebenar diambil sebahagian sahaja untuk kepentingan, data sebenar tidak diterjemahkan dengan betul bagi mengelakkan keburukan pastinya mewujudkan keimbangan," katanya.

Justeru, beliau menyarankan supaya data yang dimiliki perlu diterjemahkan dan dianalisis dengan betul demi menghasilkan pandangan yang jelas, membantu membuat dasar, pelan strategik serta menambah baik sesuatu data.



Sebahagian daripada orang ramai termasuk pelajar yang hadir pada Forum Perdana Ehwal Islam yang diadakan sempena sambutan Hari Statistik ke-6.

